

## BAB 3

### KESELAMATAN NASIONAL SINGAPURA

#### Pengenalan

Keselamatan negara merujuk kepada kedudukan dan kepentingan negara. Negara dianggap negara sebagai satu kesatuan, bukan suatu kelompok individu, kumpulan-kumpulan tertentu atau masyarakat biasa secara umumnya<sup>1</sup>. Barry Buzan dalam bukunya *People, State and Fear* menyatakan bahawa keselamatan negara merujuk kepada negara sebagai satu ‘nation’ dan harus mempunyai *idea of the state* yang kuat di kalangan penduduknya;

*“National security implies strongly that the object of security is the nation and state. State must have a physical base of population and territory; they must have governing institutions of some sort which control the physical base; and there must be idea of the state which establishes its authority in the minds of its people ”<sup>2</sup>.*

Banyak negara berusaha untuk menjaga keselamatan mereka melalui pelbagai pendekatan. Antaranya meningkatkan kekuatan persenjataan dan bersatu dengan negara-negara maju

atau berada di landasan berkecuali dalam sebarang keadaan. Terdapat pula negara yang menjalinkan kerjasama pada di peringkat antarabangsa dan bertolak ansur dalam menjalinkan sesuatu perjanjian dengan negara-negara serantau atau dengan negara-negara asing.

Terdapat pelbagai perkara yang dikatakan boleh mengancam keselamatan Singapura. Antaranya, kadar peratusan penduduk yang tidak seimbang di kalangan kaum, pergolakan politik serantau, wilayah yang terhad, tidak mempunyai hasil bahan mentah, dan mempunyai tenaga manusia yang terbatas. Peristiwa ‘Konfrontasi’ dengan Indonesia pada tahun 1963 hingga 1965 semasa Singapura masih lagi sebagai sebahagian daripada Malaysia juga salah satu faktor<sup>3</sup>. S. Rajaratnam, menyatakan bahawa; “*We are valuable in war as strategic asset. We are valueable in peace as a great commercial centre. So whether it is peace or war, we cannot escape the consequences of whatever happens in the Pacific*”<sup>4</sup>.

Usaha untuk memastikan keselamatannya, Singapura berusaha untuk memenuhi kepentingan serantau. Antaranya melalui ‘Pakatan Pertahanan Lima Kuasa’ atau *Five Power Defence Arrangement* yang terdiri daripada United Kingdom, Australia, New Zealand, Malaysia dan Singapura. Gagasan ini dapat memperkuatkan keselamatan Singapura. Begitu juga dengan keanggotaan dalam ASEAN melalui, konsep serantau. Perpaduan ASEAN mampu mengekang pencerobohan daripada kuasa-kuasa luar rantau ini. Keanggotaan Singapura dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan dunia. Ini jelas dengan konsep ‘ikan kecil

yang berenang dalam satu kumpulan, kurang menghadapi bahaya diserang oleh ikan yang lebih besar'.

Kemerdekaan Singapura dan kelebihan-kelebihan yang dimilikinya telah melahirkan rasa cemburu di kalangan negara-negara di Asia Tenggara. Kedudukannya yang berada di kalangan *The Malay World* telah menyebabkan mereka sentiasa berjaga-jaga dalam setiap tindakan mereka<sup>5</sup>. Dalam hal ini, Singapura sentiasa berhati-hati untuk membuat sebarang hubungan dengan kerajaan China. Singapura khuatir bahawa hubungan ini akan menghancurkan pembinaan sebuah bangsa *Singaporeans*. Lebih jauh dari itu ia akan menimbulkan kecurigaan negara-negara Asia Tenggara<sup>6</sup>. Lee Kuan Yew berusaha untuk mewujudkan satu bangsa yang hanya dikenali sebagai *Singaporean* dengan mengetepikan perbezaan ras dalam masyarakat. Beliau menyatakan bahawa ancaman bahaya yang akan dialami oleh Singapura, ialah;

*"If you want a Chinese chauvinistic society, failure is assured. Singapore will surely be isolated. But even if you are not isolated and you extend your chauvinistic influence to our neighbour (Malaysia), they will, if they find no way out, join up with another big neighbour (Indonesia) to deal with you"*<sup>7</sup>.

Kebimbangan Lee Kuan Yew terhadap kecenderungan masyarakat untuk berpegang atas identiti bangsa, jelas mempunyai asas yang kukuh. Unsur-unsur ini akan mewujudkan konflik yang besar di kalangan negara yang berjiran. Oleh itu, orientasi pemikiran

masyarakat terhadap pengaruh budaya bangsa yang sedia ada harus menerima sebarang perubahan demi untuk memastikan kelangsungannya dalam suasana yang bersifat serantau. Masyarakat harus digerakkan berasaskan kepada kepentingan negara dan bukan berdasarkan kepada kepentingan sesuatu bangsa. Namun, pembentukan sebuah *nation* adalah menjadi pegangan utama bagi memastikan ikatan yang kukuh atas prinsip *esprit de corps* di kalangan masyarakat.

### **Pembentukan Negara-Bangsa**

Pembentukan sebuah negara-bangsa adalah berteraskan tanggapan tentang kerakyataan dan dalam sesuatu daerah yang didiami bersama. Konsep ini dapat mewujudkan suatu identiti yang tertentu dan menimbulkan perasaan setia yang kuat sekali. Sebarang asas kesepaduan kumpulan, persamaan pengalaman sejarah, persamaan bahasa, malah persamaan agama boleh menjadi asas keperibadian yang diandaikan itu<sup>8</sup>. Yang pentingnya kumpulan itu dianggap oleh penggerak gerakan tersebut sebagai boleh membentuk sebuah ‘nation’ setanding dengan bangsa-bangsa lain<sup>9</sup>.

Dalam konteks ini, kerajaan Singapura cuba menyatupadukan berbagai bangsa dalam masyarakat melalui satu identiti bersama dengan cuba menghilangkan perbezaan identiti ras, bangsa dan keturunan masing-masing. Integrasi sosial merupakan harapan kebanyakan masyarakat, terutama sekali masyarakat

masyarakat berbilang kaum. Dalam hal ini, asas pembentukan sesebuah ‘nation’ di Singapura boleh mewujudkan suatu gerakan yang dapat menimbulkan semangat cintakan negara. Ini jelas dengan usaha-usaha kerajaan melalui penyatuan empat unsur dalam masyarakat, iaitu penyatuan dalam aspek pelbagai bangsa, pelbagai bahasa, pelbagai budaya dan pelbagai agama<sup>10</sup>.

Pembentukan sebuah ‘nation’ sering diperkatakan sebagai satu tenaga idea yang memenuhi akal dan hati seseorang dengan pemikiran dan semangat yang baru serta mendorongnya untuk melahirkan kesedaran dalam bentuk tindakan yang tersusun. Sesuatu yang menarik tentang pembentukan ‘nation’ di Singapura ialah ia bukan berdasarkan kepada suatu gerakan ideologi atau gerakan sesuatu bangsa semata-mata. Pembentukan ‘nation’ di Singapura adalah berteraskan kepada perkembangan industri serta peranan kerajaan untuk mengembangkan kebudayaan kebangsaan melalui penyatukan masyarakat. Ini selaras dengan teori Gellner yang menerangkan bahawa kemunculan ‘nation’ adalah selaras dengan proses industrialisasi dan menekankan peranan negara ke arah pembentukkan kebudayaan kebangsaan<sup>11</sup>. Pada tanggapan beliau, kedua-dua faktor ekonomi dan budaya dapat mewujudkan kesepaduan dalam pembentukan *nation* yang baru.

Semakin berkembang pembangunan industri di Singapura, maka corak kehidupan masyarakat akan semakin meningkat. Diharap bahawa masalah pekerjaan, kesihatan, tempat kediaman dan keperluan-keperluan asas dapat diatasi oleh pihak kerajaan. Ini jelas

bahawa kemerdekaan Singapura bukan berasaskan kepada gerakan nasionalisme rakyat atau wujudnya pembentukan sebuah negara-bangsa ketika itu. Hari ini nilai-nilai sentimen identiti negara melalui konsep *Singaporean* sedang berkembang dengan pesatnya<sup>12</sup>.

Terdapat beberapa kajian tentang kesetiaan, sikap serta pandangan masyarakat Singapura terhadap kewujudan sebuah bangsa *Singaporean*. Kajian lapangan yang dijalankan oleh Chiew Seen-Kong terhadap 990 orang responden pada tahun 1970, menyatakan bahawa sebahagian besar daripada mereka ingin dikenali sebagai *Singaporean* daripada dikenali melalui keturunan mereka. Hampir 80 peratus menyatakan bahawa mereka bersedia mati untuk Singapura<sup>13</sup>. Begitu juga dengan kajian Jeremy Ponniah terhadap pelajar-pelajar kolej yang menyatakan bahawa dua pertiga daripada mereka mempunyai perasaan kekitaan yang kuat kepada identiti negara<sup>14</sup>.

Kementerian Pertahanan Singapura juga telah menjalankan satu kajian pada bulan Januari 1986. Satu soalan yang diajukan kepada orang awan ialah “*Adakah mereka sanggup tinggal di Singapura sekiranya berlaku sebarang peperangan?*”. Sebahagian besar daripadanya memberi jawapan yang positif. Walaupun begitu, hampir 20 peratus daripadanya yang mempunyai pendidikan sekurang-kurangnya di peringkat *A-Level*, memberi jawapan bahawa mereka sanggup meninggalkan negara ini<sup>15</sup>. Oleh itu, kestabilan Singapura akan mewujudkan perkembangan semangat kekitaan atau *esprit de corps* yang kuat di kalangan rakyatnya. Apa yang penting ialah kebijakan rakyat harus diutamakan terlebih dahulu melebihi segala-galanya bagi menjamin segala usaha-usaha ini terlaksana dengan jayanya.

## Pertahanan Negara

Disebalik kestabilan politik dan kekuatan ekonomi negara, Singapura juga telah membina dan membangunkan kekuatan ketenteraannya yang memberi penekanan kepada *The citizen army*. Ini untuk mewujudkan kekuatan tentera-rakyat yang bersatu padu. Di dalam mempertahankan kedaulatannya, Singapura terlebih dahulu menjadikan Isreal sebagai contoh kerana negara itu mempunyai kesamaan dari segi jumlah penduduk yang kecil dan bentuk ancaman luar. Singapura amat tertarik dan kagum dengan Angkatan Pertahanan Isreal (IDF) yang dapat menyediakan sistem latihan yang pantas dan mampu mengembangkan tenaga simpanan dengan segera<sup>16</sup>. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa Singapura lebih cenderung kepada Isreal dan menjalin hubungan ketenteraan dengan negara Zionis itu sejak tahun 1960-an lagi. Singapura mendapati konsep pertahanan Isreal melibatkan tentera rakyat yang dilatih secara profesional sangat sesuai untuk dicontohi. Ini selaras dengan wawasan yang ingin diwujudkan oleh pihak pemerintah.

*"Through national military service, every male Singapore citizen during his impressionable years of young adulthood is exposed to the same common experience... National service is the critical stage of a continuing education process where racial polarisation is diffused and national identity enhanced. ...they see themselves as part of a big family called 'Singapore' rather than as Chinese, Malays, Indians and Eurasians. This is reinforced by the military axiom of dying for one's country. ...in-camp training bring together the rich and the poor to share a common experience which leads to social integration and the diffusion of class and social distinctions"*<sup>17</sup>.

Kemunculan *National Service* ini adalah seiring dengan konsep *Singaporean*, iaitu suatu bentuk kawalan sosial yang telah diperkenalkan kepada masyarakat. *National Service (Amendment) Act* telah diluluskan pada 16 Mac 1967 mengarahkan semua penduduk lelaki yang telah mencapai umur 17 tahun adalah bertanggungjawab untuk memasuki perkhidmatan ini. Kawalan sosial ini digunakan oleh Lee Kuan Yew untuk mempengaruhi tingkah laku anggotanya supaya mereka mematuhi norma-norma, tradisi dan pola-pola tingkah laku yang mustahak bagi melicinkan perjalanan masyarakat itu. Kawalan sosial yang bercorak positif ini adalah berdasarkan kepada motivasi seseorang individu untuk mematuhiinya. Kerajaan Singapura cuba mengaplikasikannya dengan memberi ganjaran seperti hadiah dan faedah-faedah yang lain agar dapat menjadi contoh dan dihormati oleh masyarakat<sup>18</sup>.

Satu kursus pegawai kadet yang pertama telah bermula pada bulan Jun 1966 di Institut Latihan Angkatan Tentera Singapura atau SAFTI. Kaedah pengajaran ini pada mulanya mengikut cara British, dan kemudiannya telah ditukar kepada cara Isreal agar lebih pragmatik. Lebih-lebih lagi tanggapan masyarakat terhadap mereka yang berpakaian seragam ini sebagai satu model profesion pekerjaan yang paling elit. Ini sesuai dengan bentuk latihan secara profesional dalam segenap aspek kemahiran yang mereka perolehi. Ini menyebabkan mereka telah mendapat pengiktirafan yang tinggi dari sudut pandangan masyarakat<sup>19</sup>.

Segala perkara yang dilakukan oleh kerajaan Singapura bukan bersifat sambil lewa tanpa adanya perancangan yang kukuh dan praktikal. Ini kerana Singapura bergantung penuh kepada konsep pertahanan menyeluruh atau *Total Defence* untuk mempertahankan dan melindungi kepentingan dan wilayah Singapura daripada sebarang ancaman. Model ini diambil daripada Switzerland dan Sweden yang menggabungkan penyertaan penuh sektor kerajaan, sektor swasta dan rakyat di dalam mempertahankan Singapura daripada sebarang ancaman. Pertahanan secara menyeluruh penting bagi Singapura kerana menyedari kekuatan tenteranya sahaja belum mencukupi untuk mempertahankan kedaulatannya. Pertahanan menyeluruh ini mula diperkenalkan kepada masyarakat Singapura pada tahun 1982<sup>20</sup>.

Komponen utama pertahanan menyeluruh ini ialah angkatan bersenjata Singapura atau SAF. Konsep pertahanan menyeluruh ini merangkumi lima perkara utama, iaitu psikologi, sosial, ekonomi, awam dan tentera<sup>21</sup>. Angkatan bersenjata Singapura ini dipimpin oleh sekumpulan *scholar-bureaucracy* yang sedang berkembang pesat mengikut arus pemodenan. Ini jelas dengan penggunaan sistem komputer dengan teknologi yang terkini sama ada dalam bentuk *software* dan *hardware* serta latihan organisasi yang cukup tersusun. Mereka juga dilatih agar mementingkan konsep strategik dengan mempunyai pengetahuan yang mantap, khususnya dalam aspek teori dan strategi peperangan moden, pengajian keselamatan, hubungan antarabangsa dan sebagainya, walaupun semua ini tidak pernah diuji dalam bentuk peperangan sebenar.

## **Angkatan Bersenjata Singapura**

Pada 1 Julai 1984, angkatan tentera Singapura telah mengadakan satu deklarasi yang menentukan tatacara atau falsafah sebagai panduan SAF memenuhi misinya untuk kepentingan rakyat dan masyarakat Singapura seluruhnya<sup>22</sup>. Dalam deklarasi ini ditentukan bahawa;

*"The nation provides the individual citizen with status, security and material benefits like educations, medical facilities, housing, ect. To continue to enjoy such privileges, it is the responsibility of every citizen to guard what is rightfully ours and to ensure that our Nations is not and will never be threatened in any way<sup>23</sup>.*

Deklarasi ini pada umumnya bagi mengukur keseluruhan tindakan, kemajuan dan pembangunan SAF dan rakyatnya. Dalam deklarasi itu, SAF menghargai setiap individu rakyatnya yang berpotensi untuk maju. SAF berpendapat bahawa wang, material dan peralatan ketenteraan yang terkini adalah penting dalam konsep pertahanan, tetapi ia mungkin tidak dapat digunakan tanpa adanya sumber tenaga rakyat yang mahir. Kekuatan SAF adalah melalui rakyatnya yang berkualiti dengan menghargai setiap anggota simpanan, pasukan kerahan mahupun anggota tentera tetap mereka. Deklarasi ini juga menekankan bahawa SAF membina kekuatannya dalam semua sektor dan menjamim kemampuan mereka bertindak dengan sokongan dan kesetiaan rakyatnya.

Selepas merdeka pada tahun 1965, Singapura hanya mempunyai dua batalion infantri dengan 50 orang pegawai dan 1000 orang anggota. Pasukan tentera lautnya ketika itu hanya mempunyai dua buah kapal dan tanpa mempunyai pasukan tentera udara. Ketika itu Singapura tidak langsung mempunyai kemampuan untuk mempertahankan wilayahnya sendiri jika berlaku sebarang konflik<sup>24</sup>. Hanya pada pertengahan 1970-an dan awal tahun 1980-an SAF mula dibangunkan dengan membina bangunan-bangunan serta mengadakan perkhidmatan yang berasingan bagi tentera darat, laut dan udara. Tentera Udara Singapura kemudiannya dibentuk dengan dibekalkan meriam altileri udara, pesawat A-4 dan pesawat pejuang F-5 dan sistem peluru berpandu pertahanan udara.

Struktur utama angkatan tentera Singapura adalah pasukan simpanan, yang keseluruhannya berjumlah seramai 250,000 anggota. Pasukan sepenuh masa berjumlah kira-kira 55,000 anggota. Setiap tahun Singapura mengambil seramai 15,000 anggota rekrut sebagai anggota kerahan, di samping beberapa anggota tetap bagi pasukan tentera darat, laut dan udara. Jumlah ini menampakkan keyakinan Singapura terhadap masalah keselamatan dan pertahanan sebagai faktor utama sesebuah negara<sup>25</sup>. Setiap warganegara Singapura, khususnya (lelaki sahaja) yang telah mencapai umur 17 tahun, tidak terkecuali daripada dipanggil untuk mengikuti kursus yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi tempoh selama dua tahun.

### *Tentera Darat Singapura*

Tentera darat Singapura mengandungi beberapa divisyen dalam organisasi mereka. Sehingga kini struktur tentera daratnya adalah campuran beberapa divisyen yang mengandungi pasukan tetap dan pasukan simpanan. Kesemuanya terdapat lima divisyen HQ - Divisyen ke-3, Divisyen ke-6, Divisyen ke-9, Divisyen ke-21 dan Divisyen ke-25. Tentera darat terdiri daripada 250,000 pasukan simpanan. Manakala batalion simpanan dan briged simpanan sebagai Unit Pasukan Operasi Tentera Darat atau AOR, iaitu anggota yang berkhidmat secara kerahan tenaga selama 13 tahun. Tenaga kerahan ini boleh digunakan pada bila-bila masa apabila diperlukan seperti dalam keadaan darurat atau menghadapi perang<sup>26</sup>.

Satu hal yang nyata, Singapura menganggap bahawa setiap rakyatnya adalah harta yang tidak ternilai. Dengan itu mereka memberikan latihan ketenteraan dan memahirkan mereka dalam semua aspek pertempuran. Dengan adanya didikan dan disiplin tentera ke semua mereka mempunyai rasa tanggungjawab bagi membangunkan negara serta mempertahankan negara apabila diperlukan. Mereka dibekalkan dengan teknik-teknik latihan yang paling sesuai dengan peralatan-peralatan persenjataan yang termaju dan seboleh-bolehnya segala keperluan mereka dipenuhi oleh pihak pemerintah.

### *Tentera Udara Singapura*

Tentera udara atau SADC diperkenal pada tahun 1968 apabila cadangan British ingin keluar daripada Singapura pada pertengahan tahun 1970-an. Pada bulan Julai 1968, kerajaan Singapura telah membeli kapal udara 16 *BAC 167 Strikemaster* dan 20 pesawat pejuang *RAF Hunter* yang berfungsi sebagai pesawat pejuang pertama dimiliki oleh Singapura. *Strikemaster* berfungsi untuk latihan dan berkebolehan juga untuk peperangan. Walau bagaimanapun, pesawat udara pertama yang dimiliki oleh Singapura ialah lapan buah *Cessna* yang ditempatkan di Pengkalan Udara Seletar pada bulan Mei 1969<sup>27</sup>.

Namun begitu, hari ini angkatan tentera udara Singapura atau RSAF adalah dikatakan yang termaju sekali di rantau Asia Tenggara ini. Ia merangkumi skuadron pesawat pejuang serta pasukan pertahanan udara yang dilengkapi dengan peluru berpandu daripada permukaan bumi ke udara, senjata meriam dan radar bagi sistem pertahanan udara. Kekuatan utama RSAF adalah dua skuadron *F-5E* atau *F-Tigers* dan tiga skuadron *A4-SU Super Skyhawks*, skuadron *Hawker Hunters* dan skuadron *F-16 Fighting Falcons*. Manakala skuadron helikopternya terdiri daripada *Super Puma*, *UH-1Hs* dan *AS-55OA2 Fennec* untuk tugas pelbagai dan latihan, serta empat buah pesawat *Grumman E2C Hawkeyes*. Pesawat pengangkutnya pula terdiri daripada *Skyvans* dan *C-130 Hercules*<sup>28</sup>. Setiap pengkalan mempunyai kepentingan masing-masing dan penempatan skuadron ini berdasarkan kepada keperluan dan kepentingannya.

Terdapat empat pengkalan utama bagi penempatan skuadron RSAF di Singapura. Pengkalan Udara Changi menempatkan pesawat *Skyvans* dan stesyen SAR atau *Singapore Air Resque* bagi urusan-urusan operasi penyelamat. Lapangan terbang Paya Lebar pula menempatkan skuadron pesawat pejuang *F-5E Tiger II* dan *C-130*. Pesawat *F5E Tiger II* merupakan pesawat *supersonik* pertama RSAF. Di lapangan terbang Paya Lebar ini juga ditempatkan pesawat pejuang *Hawker Hunter* yang telah memberi sumbangan terawal kepada RSAF<sup>29</sup> dari segi pertahanan udara. Di sini juga ditempatkan pesawat *C-130* atau lebih dikenali sebagai *Charlie One Thirty*. Ia merupakan kapal pengangkut yang mampu bergerak perlahan dan berkemampuan untuk mengawal dalam jarak yang lebih jauh serta amat sesuai bagi operasi SAL atau *Search and Locate*. Kapal udara ini mula dilancarkan pada 3 haribulan Oktober 1988 apabila peristiwa pesawat *A-4 Skyhawk* kepunyaan Tentera Udara Di Raja Malaysia yang terhempas di Laut China Selatan. Dalam operasi ini, pesawat ini telah digunakan dan telah berjaya menyelamatkan juruterbang tersebut.

Pengkalan Udara Sembawang, hanya menempatkan skuadron helikopter di sini. Skuadron helikopter ini terdiri daripada *Super Puma*, iaitu helikopter yang terbesar serta mampu membawa sebanyak 23 orang penumpang dan berkemampuan bergerak selaju 240 km sejam. Di sini juga ditempatkan helikopter buatan Perancis yang dikenali sebagai *Ecureuil*. Pesawat ini lebih ringan dan dapat berfungsi dalam pelbagai keadaan. Jenis helikopter terakhir yang ditempatkan di sini ialah *Bell UH-1H* atau dikenali sebagai *Huey*. Juruterbang bagi helikopter jenis ini telah mendapat latihan di US

*Army Aviation Centre* untuk mengendalikan pesawat ini yang digunakan oleh tentera udara Amerika Syarikat<sup>30</sup>.

Di sebelah Barat Singapura ditempatkan Pengkalan Udara Tengah. Ini merupakan pusat operasi utama bagi pengkalan udara di Singapura. Pengkalan Udara Tengah ini menempatkan skuadron *F-16 Fighting Falcon*, *A-4 Skyhawks*, *E-2C Hawkeye* dan skuadron *F-5E Tigers II*. Pesawat *A-4 Skyhawk* ini telah ditingkatkan tarafnya pada tahun 1988 hasil kerjasama dengan syarikat General Electric yang membolehkan pesawat ini dilengkapi dengan engin yang lebih ringan dan dilengkapi dengan peralatan termoden. Pesawat ini kemudiannya dikenali sebagai *A-4S-1 Super Skyhawk*<sup>31</sup>. Di sini juga ditempatkan pesawat *E-2C Hawkeye* yang merupakan tulang belakang kepada lain-lain pesawat yang terdapat di Singapura<sup>32</sup>. Pesawat ini berkemampuan untuk mengesan dan mengawasi sebarang pesawat atau kapal-kapal asing yang berada di dalam ruang udara atau di perairan Singapura. pesawat ini kemudiannya akan mengarahkan pesawat-pesawat lain seperti *Skyvan*, *C-130* atau kapal-kapal peronda tentera laut Singapura untuk pergi menyiasat<sup>33</sup>.

Pasukan pertahanan udaranya dilengkapkan dengan sistem peluru berpandu permukaan bumi ke udara atau *Surface-to-Air Missiles* (SAM) jenis *Hawk* jarak sederhana, *Rapier* dan *RBS 70*. SAM ini ditempatkan di beberapa tempat strategik di seluruh Singapura. Sistem peluru berpandu jenis *Rapier* ini pula direka untuk menghadapi kapal udara yang terbang dalam keadaan rendah serta mampu menembak dalam jarak yang dekat. Di samping itu, terdapat juga unit meriam

anti kapal terbang menggunakan meriam *35mm Oerlikon* dan unit meriam bergerak *20mm V200 APC*<sup>34</sup>.

### *Tentera Laut Singapura*

Tentera Laut Singapura bermula sebagai *Singapore Naval Volunteer Force* pada 1 Januari 1966 dan kemudiannya bertukar kepada *People's Defence Force (Sea)* pada tahun 1968. Pada akhir tahun tersebut juga, ia telah bertukar kepada *Singapore Maritime Command*. Akhirnya pada 1hb. April 1975, ia telah ditukar kepada *Republic of Singapore Navy (RSN)*<sup>35</sup>. Dalam jangkamasa lima tahun penubuhannya, terdapat 6 buah kapal peronda bersenjata dengan *40 mm* dan *20mm cannons* serta dilengkapi dengan *machine guns*. Pada tahun 1989, terdapat 6 buah kapal tambahan *Missile Corvette* jarak jauh anti kapal selam dan berpeluru *cannons* bagi pelbagai kegunaan. Tentera Laut Singapura juga telah menempah empat buah Kapal Pengesan Periuk Api atau *Mine Counter Measure Vessel (MCMV)* yang direka bentuk di Sweden pada tahun 1991. Kapal 47 meter itu dilengkapi dengan meriam *40mm Bofors* dan sistem pandu arah serta pengesan periuk api berkomputer yang boleh membawa sembilan kenderaan pemusnah periuk api kawalan jarak jauh<sup>36</sup>. Pembesaran tentera laut ini telah memaksa ia berpindah daripada pengkalan Telok Ayer kepada Pulau Sentosa dan kemudiannya ke Pulau Brani. Singapura juga berusaha membina sebuah pengkalan baru bagi tentera lautnya yang berpengkalan di Tuas. Pembinaan pengkalan seluas 28 hektar itu akan siap sepenuhnya menjelang 1994. Dengan ini RSN akan beroperasi melalui kedua-dua pengkalan tentera lautnya di Pulau Brani dan Tuas<sup>37</sup>.

## **Perbelanjaan Pertahanan**

Britain merupakan negara tunggal yang membekalkan segala bentuk persenjataan kepada Singapura sepanjang tahun 1960an sehingga awal tahun 1970an. Perdagangan persenjataan ini wujud kerana Britain pernah menjajah Singapura suatu ketika dahulu<sup>38</sup>. Namun begitu, Singapura secara mendadak telah mengurangkan segala bentuk pergantungan persenjataan kepada Britain. Britain hanya membekalkan sebanyak 4 peratus peralatan persenjataan pada tahun 1981 hingga 1985. Pembekalan persenjataan kepada Singapura ini telah diambil alih oleh Amerika Syarikat. Dianggarkan bahawa Amerika Syarikat telah membekalkan sebanyak 75 peratus daripada perdagangan persenjataan antara tahun 1976 hingga 1985<sup>39</sup>. Menurut S. Rajaratnam, pergantungan kepada sebuah negara bagi pembekalan persenjataan boleh mendatangkan bahaya kepada Singapura kerana;

*“The massive flow of arms to the third world confront it with a new danger. It is, first of all, a drain on the economies of third world countries; but even more important is the fact that will creates a new form of dependence on the great power, which can exploit the third world’s dependence on them to manipulate them, to engineer conflicts between them, and to use them as proxies in their competition for influence and dominance”<sup>40</sup>.*

Ini selaras dengan pendapat O’Brien (1975)<sup>41</sup> yang menyatakan bahawa negara-negara yang bergantung adalah negara-negara yang kurang berkebolehan untuk pertumbuhan berautonomi. Quartim (1972)<sup>42</sup> pula menegaskan lagi bahawa tanggungjawab

kepada konsep pergantungan ialah pengetahuan tentang sesuatu objek atau sesuatu perkara yang tertentu. Ini terangkum dalam suatu sistem kapitalis yang akan menentukan sesuatu keputusan yang ingin diambil oleh sesebuah negara yang menjadi sebahagian daripada sistem tersebut. Faktor keselamatan negara ternyata merupakan faktor yang paling dominan sekali dalam menentukan kesinambungan negara Singapura. Walaupun peningkatan kekuatan ketenteraan bukan bertujuan untuk berperang atau menawan negara lain, namun ini sudah cukup untuk menakutkan negara jiran, mahupun negara asing yang cuba untuk melakukan sesuatu terhadap Singapura.

Dalam konteks ini, Singapura tidak akan mengurangkan perbelanjaan pertahanannya yang kini berjumlah enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya walaupun *Perang Dingin* sudah berakhir. Menurut Menteri Pertahanan Singapura, Yeoh Ning Hong;

*"Memang Perang Dingin sudah berakhir, tetapi di bahagian dunia sebelah sini, tempat kita tinggal, boleh menjadi huru hara tanpa sebarang amaran. Kami semakin yakin bahawa jumlah enam peratus daripada KDNK adalah tahap yang perlu kami laburkan setiap tahun untuk memastikan keamanan yang dinikmati selama ini terjamin"*<sup>43</sup>.

Masyarakat telah dilatih untuk sentiasa bersedia menghadapi situasi peperangan adalah sesuatu yang paling menarik sekali dalam struktur *citizen army* oleh kerajaan Singapura. Lebih-lebih lagi sewaktu peristiwa pencerobohan tentera Iraq ke atas Kuwait, Goh Chok Tong selaku Timbalan Perdana Menteri Singapura telah

menyarankan agar sistem pertahanan terus ditingkatkan supaya peristiwa seperti itu tidak berlaku ke atas Singapura<sup>44</sup>.

### **Sumbangan SDI Ke Atas SAF**

*Singapore Defence Industries* atau SDI telah muncul daripada sebuah badan kecil yang terletak di bawah *Chartered Industries of Singapore* pada tahun 1967 sehingga menjadi satu unit yang kompleks dan berteknologi tinggi<sup>45</sup>. Penubuhan industri pertahanan Singapura ini berasaskan kepada beberapa perkara. Kombinasi politik, ketenteraan dan faktor ekonomi merupakan struktur utama dalam mewujud dan memperkembangkan SDI di Singapura. Sokongan daripada pelbagai pihak telah membolehkan industri pertahanan Singapura berkembang dengan begitu pesat sekali pada ketika ini. Ini mendorong SDI muncul sebagai sebuah syarikat yang berjaya mengeluarkan peralatan persenjataan berteknologi tinggi dan mampu untuk bersaing di pasaran antarabangsa dengan syarikat-syarikat pengeluar peralatan persenjataan yang lain.

Kestabilan politik umumnya memperlihatkan kemampuan dan keupayaan sistem pertahanan sesebuah negara. Kemerdekaan Singapura secara mendadak telah menyaksikan dua insiden pertelingkahan kaum yang agak buruk di Singapura. Ini telah mencetuskan *survival crisis* kepada kepimpinan PAP. Oleh itu, usaha untuk menangani masalah ini ialah dengan tercetusnya idea terhadap penubuhan industri pertahanan bercorak tempatan<sup>46</sup>. Peristiwa

'Konfrontasi' dan keputusan pihak British yang ingin menarik balik segala aspek ketenteraan mereka di Singapura dalam tempoh masa yang singkat boleh menggugat kestabilan politik. Peristiwa ini telah meninggalkan ruang yang kosong kepada tentera asing untuk cuba menguasai kekuatan ketenteraan di rantau ini. Oleh itu, Singapura tidak mahu terlalu bergantung kepada bekalan persenjataan yang dilakukan oleh pihak Barat, khususnya Britain<sup>47</sup>. Sir Lawrence Hartnett merupakan penasihat pertama kepada *Chartered Industries of Singapore* yang mengulas akan perkara;

*"From the start the Singapore leaders were determined to avoid political alignment with foreign nations, and this was particularly true in the matter of arms supply from abroad which might have political strings attached. Implicit in this approach was the heavy emphasis placed on self-reliance, a policy which has paid enormous dividends"<sup>48</sup>.*

Pergolakkan politik yang wujud ketika itu telah menyebabkan pimpinan PAP berusaha untuk meningkatkan tahap keselamatan. Semua ini telah dirancang sebagai alternatif bagi mengisi kekosongan yang akan wujud ketika itu nanti. Fenomena politik yang tidak menentu ketika itu telah mempercepatkan lagi operasi SDI agar dapat mengeluarkan pelbagai peralatan persenjataan kepada struktur angkatan tentera Singapura. Kementerian Pertahanan Singapura atau MINDEF telah berkerjasama dengan SDI dalam menyediakan polisi yang dapat meningkatkan taraf ketenteraan Singapura sesuai dengan perubahan semasa. Pada tahun 1985, hubungan industri pertahanan ini dengan MINDEF telah termaktub dengan suatu pernyataan bahawa;

*"The company [in this case, the Singapore Technology Corporation] is under the supervision of the Ministry of Defence. The Minister appoints a Board of Directors to establish the policy and guidelines for the Company. In this way, the Government does not interfere with the day-to-day affairs of the Company"<sup>49</sup>.*

Brigader General Lee Hsien Loong menyatakan bahawa; "Singapore needs to keep up with the state-of-the-art in a few key areas of technology"<sup>50</sup>. Segala perubahan yang berlaku dalam teknologi, khususnya teknologi ketenteraan, telah menarik minat pihak Singapura agar dapat bergerak seiring dengan perubahan semasa. Oleh itu, syarikat ini bebas untuk mengeluarkan peralatan persenjataan di bawah pengawasan lembaga pengarah yang telah dilantik oleh Kementerian Pertahanan. Segala peralatan persenjataan yang akan memberi kebaikan kepada SAF amat digalakkan dan ini boleh meningkatkan imej angkatan tentera Singapura.

### **Pakatan Pertahanan Lima Kuasa**

Sesuatu yang paling menarik sekali dalam kerjasama FPDA ini ialah kerjasama dalam *Integrated Air Defence System* atau IADS. IADS ini beribu pejabat di Butterworth, Pulau Pinang dan mempunyai unit-unit pertahanan udara di kalangan kedua-dua negara, iaitu Malaysia dan Singapura. FPDA telah mengadakan beberapa siri latihan darat bersama di kalangan ahli, khususnya latihan yang diadakan di Australia dan di New Zealand. Walau bagaimanapun,

Malaysia buat pertama kalinya telah menjadi tuan rumah pada tahun 1987 dan ini diikuti pula oleh Singapura pada tahun 1989 dengan *Exercise Lion Spirit*. Begitu juga dengan latihan ketenteraan laut di bawah Latihan *Starfish* yang telah diadakan setiap tahun semenjak 1981 dengan Malaysia dan Singapura telah menjadi tuan rumah selang setahun.

Latihan yang terbesar pernah diadakan di kalangan ahli-ahli FPDA selepas semenjak Latihan Bersatu Padu yang diperkenalkan buat pertama kali penubuhannya ialah Latihan Lima Bersatu atau *United Five*. Latihan ini telah diadakan pada bulan September 1988. Program kerjasama ini melibatkan 3000 kakitangan personal, 100 buah pesawat udara dan 10 buah kapal tentera laut. Latihan ini tertumpu kepada kerjasama pertahanan antara pihak Malaysia-Singapura sekiranya diserang oleh pihak musuh. RSAF telah menyediakan sebanyak 6 buah pesawat pejuang *F-5E*, 6 buah pesawat *A-4 Skyhawk*, unit-unit pertahanan udara serta sistem-sistem kawalan dan komunikasi yang terlibat dalam latihan bersama ini<sup>51</sup>.

### **Kerjasama Pertahanan Dua Hala**

Kerjasama berbentuk dua-hala semakin meningkat di kalangan Singapura dengan negara-negara jiran. *Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1976* di Bali telah merintis akan kerjasama berbentuk politik dan keselamatan dengan negara jiran. Segala pertelingkahan serta isu yang boleh mengancam kestabilan

serantau akan diselesaikan secara aman tanpa kekerasan. Sebuah *Majlis Tertinggi* di peringkat ASEAN telah diwujudkan bertujuan untuk menjalankan peranan tersebut. Walaupun begitu terdapat beberapa ketegangan di antara Singapura dengan negara-negara jirannya yang masih berterusan. Namun begitu, akibat daripada pertumbuhan ASEAN telah menyebabkan krisis-krisis dua-hala tidak diperbesarkan sehingga boleh membawa kepada permusuhan. Sebaliknya ini dapat merapatkan hubungan dengan pelbagai cara, sikap prejedis serta permusuhan di kalangan anggota ASEAN boleh dikurangkan.

#### *Latihan Bersama Singapura-Indonesia*

Kerjasama keselamatan antara dua buah negara yang berjiran tidak akan diadakan sekiranya ia tidak dapat memberi sebarang keuntungan kepada kedua-dua pihak. Kerjasama yang diadakan antara Singapura dan Indonesia ini meliputi aspek latihan bersama, bekerjasama dari segi peralatan dan kemudahan, mengadakan persidangan atau bertukar-tukar pendapat serta pengetahuan tentang aspek ketenteraan dan keselamatan. Ini meliputi segala aspek tentang latihan laut, latihan udara dan latihan darat. Latihan antara ‘Angkatan Bersenjata Republik Indonesia’ atau ABRI ini dengan SAF bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala dari segi keselamatan serantau.

Kerjasama Latihan Laut kerap dijalankan antara dua negara. Latihan laut yang dijalankan ini adalah yang paling lama sekali pernah

diadakan antara Angkatan Tentera Laut Singapura dengan Tentera Laut Indonesia. Latihan pertama telah diadakan pada bulan September 1974 yang dikenali sebagai ‘Latihan Helang’ atau *Englek* dan latihan yang terbaru antara kedua-dua negara ialah pada bulan Oktober 1990, iaitu latihan yang kesebelas. Latihan yang terbaru ini telah melibatkan ‘Pusat Latihan Taktikal Tentera Laut Singapura’ dan penggunaan tentera udara *E2C-Hawkeye* Singapura. Pusat latihan ini berfungsi untuk menguji keupayaan penggunaan komputer sebelum kapal-kapal dihantar ke laut, sementara kapal udara Hawkeye bertujuan untuk membantu serangan dan memberi maklumat penting kepada kapal-kapal di laut<sup>52</sup>.

Kerjasama latihan udara juga telah diadakan. Kerjasama latihan udara antara kedua-dua negara ini telah dijalankan atas siri yang diikenali sebagai ‘Elang Indopura’. ‘Elang Indopura’ yang pertama telah diadakan pada bulan Julai 1980 dan yang terbaru sekali ialah pada bulan September 1990. Kerjasama latihan udara ini melibatkan penggunaan pengkalan udara di Singapura. Ia melibatkan kapal-kapal terbang yang terbaru, antaranya seperti *E2C Hawkeye*. Dalam tempoh 10 tahun, tujuh bentuk latihan telah dijalankan. Sebagai contoh pada latihan keempat, kapal terbang baru telah digunakan seperti *F-5E* dan pada latihan kelima satu seminar mengenai pertahanan udara juga telah diadakan. Ini mencerminkan kekuataan ketenteraan antara kedua-dua negara<sup>53</sup>.

Satu perjanjian persefahaman atau MOU telah ditandatangani antara pihak Singapura dengan Indonesia berhubung

kerjasama dalam latihan darat. Kerjasama yang dijalankan antara kedua-dua tentera darat Singapura dan Indonesia ini telah dijalankan hanya pada bulan Disember 1989. Ini bersetujuan dengan MOU yang telah ditandatangani antara Letnan Jeneral Winston Choo dengan Jeneral Try Sutrisno pada 23 Mac 1989 yang telah mewujudkan kerjasama pertahanan dua hala ke era baru. MOU ini membenarkan tentera Singapura mengadakan latihan di mana sahaja di Indonesia. Singapura juga telah bersetuju untuk berkongsi teknologi ketenteraan dengan Indonesia. Walaupun begitu, keseluruhan MOU ini tidak diwartakan kepada masyarakat umum<sup>54</sup>. Kerjasama ini dikenali sebagai ‘SAFKAR Indopura’. ‘SAFKAR Indopura’ pada kali pertama telah mengadakan latihan pengendalian pembacaan peta yang telah diadakan di Singapura. ‘SAFKAR Indopura’ pada kali kedua pula telah diadakan pada tahun 1990. Pengendalian pembacaan peta kali ini telah diadakan di Bandung, Indonesia. Dengan menjadi peserta tetap dan aktif dalam berbagai-bagai latihan ketenteraan, SAF turut menyumbang dalam meningkatkan tahap pemahaman di kalangan negara luar dan mengurangkan ketegangan serantau<sup>55</sup>.

Selain dari itu, siri latihan udara, laut dan darat telah membantu SAF tentang sistem-sistem persenjataan dan prosedur mengenai rangkaian komunikasi. Latihan-latihan ini membolehkan pertukaran pengetahuan dan kemahiran di kalangan tentera yang boleh menunjukkan hubungan yang harmoni. Mengikut teori Lerner, proses modenisasi bermula dengan urbanisasi dan ini akan meningkatkan kadar pengetahuan dan pendedahan kepada sebaran am. Oleh itu, komunikasi menjadi *intervening variable* yang penting sekali dalam proses pembangunan dan perubahan teknologi<sup>56</sup>.

### *Latihan Bersama Singapura-Malaysia*

Kerjasama pertahanan antara Singapura dan Malaysia ini wujud dengan lebih aktif setelah penubuhan FPDA. Ini terkandung dalam prinsip FPDA, iaitu untuk mengukuhkan keselamatan Malaysia dan Singapura di rantau ini. Latihan bersama angkatan tentera sering diadakan dengan penglibatan Australia, New Zealand dan United Kingdom. Walaupun begitu, wujud konflik yang boleh menjelaskan hubungan baik mereka. Sebagai contoh, masalah penentuan sempadan di Selat Johor tentang tuntutan Malaysia ke atas Pedra Branca. Kerjasama keselamatan termasuklah memberi kemudahan-kemudahan latihan tentera darat Singapura dengan menggunakan Johor sebagai kawasan latihan ketenteraannya. Pada bulan Mei 1989 Singapura telah menjadi tuan rumah bagi satu latihan tentera darat di bawah kod Latihan Semangat Bersatu atau *United Sprit*. Latihan kali kedua telah diadakan di Sarawak pada bulan Oktober 1989 dan latihan kali ketiga telah diadakan di Seremban pada bulan April 1992<sup>57</sup>.

### **Masalah Pelebaran Wilayah Perairan**

Pergeseran-pergeseran batasan wilayah perairan negara-negara di Asia Tenggara adalah berpunca daripada ketentuan-ketentuan dan norma-norma baru yang diwujudkan dalam Undang-Undang Laut Antarabangsa atau *Law of the Sea*<sup>58</sup>. Ini merujuk kepada pelebaran wilayah perairan daripada 3 batu nautika kepada 12 batu nautika,

masalah *Continental Shelf*, Zon Ekonomi Ekslusif dan Zon Ekslusif Perikanan. Masalah ini timbul kerana terdapatnya beberapa kepentingan yang berbeza bukan sahaja antara negara-negara pantai yang berjiran, malah juga kepada negara-negara besar yang menganggap kawasan perairan di kepulauan Asia Tenggara sangat penting bagi mereka.

Singapura juga tidak dapat lari daripada masalah Undang-Undang Laut Antarabangsa ini. Akibat daripada perkara ini, masalah yang timbul ialah terdapatnya wilayah perairan yang saling bertumpang tindih atau *overlapping territory* antara negara-negara pantai yang berjiran. Memandangkan Singapura pernah menjadi jajahan British, Singapura pada umumnya telah mengikuti prinsip British terhadap undang-undang laut antarabangsa. Dalam hal ini, zon batasan wilayah perairan Singapura adalah berasaskan kepada tuntutan kerajaan Britain terhadap tiga batu nautika atau *One marine league* untuk negaranya. Tuntutan ini terkandung dalam *Territorial Waters Jurisdiction Act* pada 16 Ogos 1878 bahawa;

*"Territorial waters of Her Majesty's dominions, in reference to the sea, means such part of the sea adjacent to the coast of the United kingdom, or the coast of some other part of Her Majesty's dominions, as is deemed by international law to be within the territorial sovereignty of Her majesty; and for the purpose of any offence declared by this Act to be within the jurisdiction of the Admiral, any part of the open sea within one marine league of the coast measured from the low-water mark shall be deemed to be open sea within the territorial waters of Her Majesty's dominions..."*<sup>59</sup>.

### *Tuntutan Pelebaran Wilayah Perairan*

Indonesia menjadi negara pertama menganggap bahawa kepulauannya adalah sebagai satu unit, dan menganggap bahawa perairan di antara serta dalam lingkungan kepulauan tersebut sebagai batasan perairannya. Tuntutan daripada batasan pengairan sebanyak 3 batu nautika kepada 12 batu nautika ini dikenali sebagai “Deklarasi Djanda” pada 13 Disember 1957. Tuntutan ini dianggap sah apabila ia diikuti dengan tindakan susulan dengan “Presidential Act”<sup>60</sup> pada 18 Februari 1960. Enam bulan kemudian, kerajaan Filipina juga telah membuat tuntutan yang hampir serupa dengan “Republic Act No. 3046” pada 17 Jun 1961. Malaysia dan Thailand juga kemudiannya telah membuat tuntutan 12 batu nautika ini, sementara Singapura masih mengekalkan tuntutan sebanyak 3 batu nautika Anglo-Saxon<sup>61</sup>. Walaupun pada dasarnya, Singapura tidak meningkatkan perairan teritorialnya kepada 12 batu nautika, tetapi tidak menentang akan cadangan tersebut. Sebaliknya Singapura bersama dengan 22 buah negara lain telah menggubal draf berkenaan dengan peranan laut di *Second Committee* pada 31 Julai 1974 yang menyokong akan cadangan tersebut<sup>62</sup>.

Untuk menghormati akan batasan perairan antara negara berjiran Malaysia dan Indonesia, Singapura masih mengiktiraf perjanjian yang dibuat antara kerajaan British dengan kerajaan Johor pada tahun 1928 melalui perjanjian *The Straits Settlements and Johore Territorial Waters Act* yang menjadi penentu batasan bagi bahagian sebelah utara Singapura dengan bahagian sebelah selatan Malaysia.

Singapura dan Indonesia juga telah bersetuju tentang batasan wilayah perairan mereka melalui satu perjanjian yang ditandatangani pada 25 Mei 1973. Perjanjian ini dikenali sebagai *Agreement Stipulating the Territorial Sea Boundary Lines* antara Indonesia dengan Republik Singapura di perairan Selat Singapura<sup>63</sup>.

### *Continental Shelf*

Pada tarikh 28 September 1945, munculah *Deklarasi Presiden Truman* yang sangat terkenal itu. Ini merupakan deklarasi yang pertama mengenai *Landas Kontigen* atau *Continental Shelf*. Dalam deklarasi itu termaktub bahawa;

*"The United States regards the natural resources of the subsoil and seabed of the continental shelf beneath the high seas but contiguous to the coasts of the United States as appertaining to the United States, subject to its jurisdiction and control"*<sup>64</sup>.

Pada waktu itu Presiden Truman belum lagi menentukan apa yang dinamakannya *continental shelf* tersebut. Namun begitu, beliau menegaskan bahawa tuntutan Amerika tidak mempengaruhi status air di atas *Landas Kontigen* tersebut sebagai *Laut Bebas*, iaitu tidak menuntutnya sebagai wilayah Amerika Syarikat. Apa yang dituntut ialah kekayaan alamnya. Selaras dengan ini, satu konvensyen yang diadakan di Geneva telah bersetuju dengan tuntutan terhadap konsep *Continental Shelf* ini. Namun begitu, Singapura yang dilingkungi dengan

batasan perairan antara Malaysia dengan Indonesia ini boleh mewujudkan beberapa masalah sekiranya tuntutan ini dilaksanakan. Pada tahun 1968, satu ketetapan rasmi telah dibuat oleh kerajaan Singapura bahawa;

*"Singapore has not enacted any legislation programmes concerning exploitation procedures and research in natural resources of the sea-bed, ocean floor and sub-soil, or safely practice in connexion with oil drilling and mining in marine areas"<sup>65</sup>.*

Dalam lain perkataan, Singapura tidak membuat sebarang tuntutan terhadap isu *Continental Shelf* ini. Ini berdasarkan statusnya sebagai pelabuhan perdagangan bebas yang utama di rantau ini. Jadi, sebarang kerja-kerja mencarigali minyak di perairan ini akan mengganggu kelancaran lalulintas kapal-kapal pedagang di perairan ini. Lebih-lebih lagi, untuk mengeksplorasi hasil-hasil bumi ini akan melibatkan banyak pihak dan berbagai perkara yang harus dirundingkan bersama.

### *Zon Ekonomi Ekslusif*

Singapura akan menyokong konsep 200 batu nautika Zon Ekonomi Ekslusif atau EEZ hanya sekiranya ia memasukkan hak *geographically disadvantaged states* atau GDS untuk turut serta mengeksplorasi bahan-bahan mentah atau hidupan-hidupan laut dengan negara-negara lain yang berjiran dengan kadar yang sama rata. Pada 5 Ogos 1974, Singapura bersama 20 buah negara lain telah menyerahkan draf artikel tentang usahasama oleh negara-negara *land locked* dan negara-negara lain yang dianggap *geographically*

*disadvantages states* dalam mencari dan mengeksplorasi segala hasil-hasil hidupan laut serta hasil-hasil bumi dalam lingkungan perairan tersebut<sup>66</sup>. Walau bagaimanapun, pada 15 September 1980, Menteri Luar Singapura telah membuat kenyataan bahawa mereka akan meningkatkan batasan perairan mereka kepada 12 batu nautika dan juga menuntut akan EEZ selaras dengan tuntutan antarabangsa atas dasar bahawa;

*"Since 1878, Singapore has adhered to the concept of a three nautical mile territorial sea. In certain areas, Singapore can extend its territorial sea beyond three nautical miles and can also claim an Exclusive Economic Zone. In the light of the said international developments, Singapore will exercise its right to extend its territorial sea limit up to a maximum of 12 nautical miles. Like wise, Singapore will also establish Exclusive Economic Zone"<sup>67</sup>.*

## **Perairan Selat Melaka**

Masalah Selat Melaka timbul sejak Indonesia dan Malaysia menuntut akan kelebaran laut 12 batu nautika. Tuntutan Indonesia ini berdasarkan kepada *Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang No. 4/1960* dan Malaysia berdasarkan kepada *Territorial Water Acts* tahun 1971. Ini kerana Indonesia dan Malaysia menganggap Selat Melaka sebagai sebahagian daripada batasan wilayah perairannya dan hanya memberi kelonggaran bagi pelayaran antarabangsa sahaja<sup>68</sup>.

Selat Melaka ini dibatasi antara Semenanjung Malaysia dengan Pulau Sumatera. Panjang selat ini ialah 650 batu, kelebarannya pada tahap maksimanya ialah 250 batu dan pada titik minimanya lebih kurang 8.4 batu. Pada bahagian utara selat ini terdapat kedalaman maksima antara 90 batu dan 100 batu. Manakala pada bahagian selatan, pada relatifnya adalah cetek. Kedudukannya yang strategik sejak dahulu lagi, telah menyebabkan tuntutan Malaysia dan Indonesia ini membawa beberapa kesan. Antaranya kepentingan pelayaran antarabangsa, khususnya aspek ekonomi oleh negara-negara besar seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Walaupun demikian, kepentingan komunikasi antarabangsa bagi aspek perdagangan masih tetap diutamakan<sup>69</sup>. Walaupun begitu, Singapura menganggap bahawa Selat Melaka sebagai tempat lalu-lintas kapal yang ingin berlabuh dan singgah. Sama ada bagi kepentingan perdagangan, mahupun kapal-kapal yang inginkan pengisian bahan-bahan bakar serta pembaikan-pembaikan kapal<sup>70</sup>. Singapura mempunyai kepentingan yang nyata untuk mengekalkan tahap maksimum ruang perairan jalan laut, khususnya kebebasan perjalanan kapal-kapal melalui perairan Selat Melaka.

Singapura menginginkan agar Selat Melaka sebagai sebuah selat antarabangsa dengan ‘Hak Lalulintas Bebas’<sup>71</sup>. Dasar Singapura ini dianggap mempunyai persamaan dengan negara-negara asing yang menggunakan jalan laut sebagai sumber hubungan dagangan, iaitu mengekalkan hak kebebasan antarabangsa bagi perjalanan laut di perairan Selat Melaka dan menentang segala cadangan tuntutan negara-negara jiran yang ingin memaksimumkan keluasan batasan perairan mereka<sup>72</sup>.

Kebimbangan Singapura ini berasaskan bahawa sekiranya terdapat mana-mana kuasa yang mendominasi di kawasan Selat tersebut, maka segala sumber ekonomi Singapura melalui jalan laut akan terjejas. Oleh itu, Singapura lebih berminat dengan kehadiran negara-negara Barat, khususnya Amerika Syarikat di rantau ini. Singapura menganggap bahawa kehadiran Amerika Syarikat boleh mengelakkan mana-mana kuasa asing seperti Kesatuan Soviet atau Republik Rakyat China yang ingin menguasai jalan laut ini tidak terlaksana.

Malaysia dan Indonesia pula menganggap bahawa Selat Melaka sebagai sebahagian daripada perairannya. Kelonggaran hanya diberi bagi pelayaran antarabangsa ‘Hak Lalulintas Damai’ atau *Right of Innocent Passage* dan tidak menginginkan ‘Hak Lalulintas Bebas’ atau *Right of Free Passage* seperti yang dituntut oleh negara-negara besar<sup>73</sup>. Perbezaan tuntutan Malaysia-Indonesia dengan Singapura ini kerana Singapura bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Ia merupakan pusat perdagangan transit dengan kemudahan pelabuhan yang baik. Segala kemudahan pelabuhan ini amat penting bagi negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Russia serta kapal-kapal perang dari Amerika atau dari Republik Rakyat China.

Pada peringkat awal, kerajaan Singapura enggan membahaskan masalah keselamatan pelayaran di sepanjang perairan Selat Melaka ini. Ini kerana ia takut akan mengalami kerugian yang besar terhadap ekonomi negaranya. Singapura menganggap bahawa perkara ini tidak harus dilihat sebagai perang dingin atau sebagai

masalah konflik kekuasaan, malah ia hanya melibatkan perkara komunikasi. Oleh itu, sebagai laluan perairan yang amat penting sebagai sumber komunikasi, perairan ini seharusnya bebas kepada sesiapa sahaja tanpa sebarang diskriminasi<sup>74</sup>. Selat Melaka sebagai kawasan perikanan merupakan mata pencarian yang penting baik bagi nelayan-nelayan di persisir pantai, malah ia juga meliputi kepentingan negara seluruhnya. Sebagai kawasan yang paling sesuai untuk dieksplotasi, maka landasan kontigen dan perairan di bawah laut bukan sahaja mempunyai sumber-sumber perikanan, malah segala hasil-hasil galian terdapat di kawasan tersebut. Tuntutan Malaysia dan Singapura adalah bertujuan untuk mengawasi kepentingan perairan tersebut daripada dicemar oleh kapal-kapal asing yang ingin membuang sisa-sisa toksid mereka di perairan ini.

### *Peristiwa ‘Showa Maru’*

Setelah berlakunya peristiwa yang serius akibat daripada kecelakaan yang menimpa ke atas kapal *Showa Maru* pada 6 Januari 1975, barulah kerajaan Singapura menunjukkan sikap bersedia untuk membahaskan masalah keselamatan di perairan tersebut. Selepas daripada peristiwa ini, Lee Kuan Yew telah pergi ke Kuala Lumpur untuk meyakinkan pemimpin Malaysia akan keperluan mengambil tindakan bersama bagi mengatasi masalah seperti ini daripada berulang lagi<sup>75</sup>. Satu pertemuan di antara tiga Menteri Luar Negeri negara-negara pantai ini iaitu, Malaysia, Singapura dan Indonesia telah diadakan di Singapura pada 18 Februari 1975 untuk membincang

akan masalah dan kelemahan di perairan Selat Melaka dan Selat Singapura.

Dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan pelayaran, Indonesia dan Malaysia menekankan perlunya mengadakan pembatasan bagi kapal yang melalui laluan tersebut. Ini demi keselamatan negara pantai dan keselamatan kapal itu sendiri. Indonesia dan Malaysia mempunyai pantai-pantai yang panjang dengan penduduk pantai yang banyak terdiri daripada para nelayan. Mereka merasakan bahawa tidak adil sekiranya tuntutan kemalangan hanya dibataskan kepada usaha-usaha pembersihan pencemaran sahaja. Malah mereka mahukan agar ia mencakupi kerugian-kerugian yang ditimbulkan akibat daripada pencemaran tersebut, baik terhadap pendapatan para nelayan, malah juga harus melibatkan kepada *ecological damage* bagi hidupan-hidupan laut. Singapura yang tidak mempunyai pantai yang panjang dan hanya berfungsi sebagai laluan untuk pelayaran, hanya menekankan kepada pemberian operasi pembersihan pencemaran sahaja<sup>76</sup>.

Masalah utama ialah draf penentuan untuk memastikan persoalan UKC atau *Under Keel Clearance*. Persoalan ini ialah masalah penentuan kedalaman air di bawah kapal yang diperlukan oleh sesuatu kapal tangki raksasa untuk melalui Selat Melaka- Selat Singapura dengan aman. Indonesia dan Malaysia inginkan *safety margin* yang sebesar mungkin, iaitu pada tahap 4.4 meter dan 4.5 meter seperti yang diusulkan oleh mereka. Sedangkan Singapura merasa selesa dengan *safety margin* yang benar-benar diperlukan sahaja, iaitu pada tahap 2.5 meter. Akhirnya telah dipersetujui untuk maksima UKC ialah sebanyak UKC 3.5 meter<sup>75</sup>.

## **Pertikaian Pulau Batu Puteh (Pedra Branca)**

Singapura dan Malaysia terlibat dalam satu pertelingkahan mengenai hak ke atas perairan dan dasar laut yang melingkungi rumah api atau *Horsburgh Lighthouse* di Pulau Batu Puteh atau juga dikenali sebagai *Pedra Branca* pada kedudukan 199.8°U dan 104 24.4°T. Konflik bermula apabila Malaysia mengeluarkan sebuah peta yang menyatakan batasan bagi wilayah kawasan dan batasan perairannya yang dikenali sebagai *Peta Baru* pada 21 Disember 1979. Dalam *Peta Baru* ini kerajaan Malaysia telah memasukkan Pulau Batu Putih sebagai haknya. Singapura menuntut hak ke atas pulau tersebut dan segala yang terdapat dilingkungan perairan tersebut atas dasar bahawa ia telah menjaga dan memelihara rumah api tersebut semenjak 150 tahun yang lalu<sup>78</sup>.

Pertelingkahan ini telah mewujudkan beberapa ketegangan antara dua negara yang berjiran. Antaranya kerajaan Singapura telah menghantar bantahan secara rasmi semasa lawatan beberapa pegawai daripada Angkatan Tentera Laut Malaysia ke pulau itu pada 14 Jun 1989. Kedua, Malaysia merasa risau akan kelengkapan sistem radar yang dipasang di pulau itu yang akan menguatkan tuntutan hak Singapura<sup>79</sup>. Ketiga, kerajaan Singapura telah mengambil beberapa tindakan terhadap nelayan Malaysia yang memasuki kawasan perairan Pulau Batu Putih tersebut<sup>80</sup>.

### *Tuntutan Malaysia*

Peristiwa ini wujud kerana tuntutan berdasarkan satu nota daripada kerajaan Johor pada tahun 1953 yang menyatakan bahawa “ia tidak akan menutut hak ke atas Pedra Branca”. Sebaliknya Malaysia menyatakan bahawa Singapura hanya berhak ke atas *premis* yang ada di pulau itu, tetapi tidak kepada keseluruhan pulau tersebut. Rumah api yang terdapat di Pedra Branca ini bukan hanya diselenggarakan oleh Singapura, malah terdapat juga rumah api yang lain seperti di Pulau Pisang yang tidak pernah disangkal menjadi milik Malaysia, juga diselenggarakan oleh Singapura<sup>81</sup>.

Pada bulan September 1991, Menteri Besar Johor menyatakan bahawa, “from the viewpoint of history, Pulau Batu Puteh belongs to us”. Oleh itu “the Johor government was ready to provide evidence if necessary to prove that the island indeed belonged to Johor”. Pandangan ini diulangi lagi dalam sebuah forum yang memberi tumpuan tentang Pulau Batu Puteh yang diadakan di Johor Bahru pada bulan Oktober 1991. Forum ini telah dihadiri oleh para sejarawan Malaysia<sup>82</sup>. Walau bagaimanapun, dalam pertemuan ASEAN Summit pada bulan Januari 1992, Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamed mengumumkan bahawa;

“Malaysia would adhere strictly to legal principles and not history to resolve the dispute ...that the existence of other outstanding claims made it important for Malaysia to stick to one principle - that being legality, rather than the historical basis of the claims”<sup>83</sup>.

### *Tuntutan Singapura*

Pada 17 Februari 1992, kerajaan Singapura telah mengemukakan sebuah dokumen kepada kerajaan Malaysia untuk membuktikan haknya ke atas Pedra Branca. Empat bulan kemudian, pada 29 Jun 1992, kerajaan Malaysia pula telah mengemukakan menyerahkan satu memorandum yang bertajuk "*Malaysia's Sovereignty over Pulau Batu Puteh*" untuk menuntut haknya sebagai pemilik tunggal bagi pulau tersebut. Dokumen ini masih belum dikeluarkan oleh kedua-dua kerajaan kepada para pengkaji untuk membuat sebarang ulasan tentang konflik perebutan hak ke atas Pulau Batu Putih<sup>84</sup>. Segala perkara yang melibatkan akan kes ini akan hanya dapat diketahui selepas beberapa pertemuan dan pebincangan yang lebih lanjut dilakukan oleh kedua-dua pihak yang terbabit.

### **Kesimpulan**

Keselamatan sesebuah negara hari ini, bukan sahaja terletak kepada para pemimpin atau pembesaran struktur ketenteraan semata-mata. Ia melibatkan keseluruhan masyarakat sebagai satu unit kesatuan yang benar-benar mantap. Dalam hal ini, kejayaan Singapura melalui dasarnya mewujudkan satu unit masyarakat yang dikenali sebagai *Singaporean* telah berjaya dilaksanakan secara menyeluruh. Konsep ini telah disemai kepada generasi baru agar wujud satu kesepaduan antara kaum dengan kepesatan pembangunan fizikal negara. Kejayaan konsep *Total Defence* yang mewakili lima aspek pertahanan, iaitu psikologi, sosial,

awam dan ketenteraan telah memberi suatu gambaran akan kesungguhan kerajaan Singapura dalam menangani masalah ini.

Kebanyakan konflik yang wujud dengan negara jiran telah cuba diselesaikan, setidak-tidaknya mengurangkan ketegangan yang bakal mengeruhkan lagi suasana tersebut. Melalui beberapa perbincangan yang telah dijalankan, terdapat persefahaman yang dapat dijalinkan bagi mengeratkan lagi hubungan antara dua atau lebih negara yang berjiran. Setidak-tidaknya konflik yang berlaku itu telah mewujudkan satu kerjasama yang erat di antara Singapura dengan negara-negara yang berjiran seperti Malaysia dan Indonesia. Masalahnya ialah cuma berlainan prinsip dan corak sesebuah negara berteraskan kepada kepentingan nasional negara tersebut. Justeru itu, Singapura berusaha mengelakkan sebarang persengketaan dan berusaha mencapai jalan penyelesaian, khususnya ASEAN sebagai sebuah pertubuhan yang dapat mengeratkan hubungan antara negara ini. Oleh itu, sebelum sesuatu dasar luar itu hendak dilaksanakan, faktor dalaman harus dikuatkan terlebih dahulu agar selaras dengan matlamat yang ingin dicapai.

### **Nota Akhir**

1. Lihat Arnold Wolfers, 1962, **Discord and Collaboration**, Baltimore, John Hopkins University Press, hal. 147.
2. Lihat Barry Buzan, 1983, **People, States and Fear**, Brighton, Wheatsheaf Books, hal. 40 dan 45.
3. Lihat Seah Chee Meow, "National Security" dalam Kernal Singh Sandhu and Paul Wheatley (ed.), 1989, **Management of Success : The Moulding of Modern Singapore**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 950.
4. Dipetik daripada Obaid Ul Haq, "Singapore's Search for Security : A Selective Analysis" dalam Stephen Chee (ed.), 1991, **Leadership and Security in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 118.
5. Singapura dianggap sebagai *The Third Chinese in Southeast Asia* kerana sebelum ini Hong Kong dan Taiwan telah menjadi dua buah negara di luar jajahan Republik Rakyat China yang mempunyai majoriti penduduk berketurunan Cina.
6. Lihat Jon S.T. Quah, "Singapore : Towards A National Identity" dalam *Southeast Asian Affairs 1977*, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 208.
7. Lihat Charles E. Morrison and Astri Suhrke, 1978, **Strategies of Survival: The Foreign Policy Dilemmas of Smaller Asian States**, University of Queensland, St. Lucia, hal. 175-176.
8. Lihat Smith, A.D., (ed.), 1976, "Nationalist Movement", London dipetik dalam Rustam A. Sani, "Robohan Nasionalisme Melayu : Asas Sosial Bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional" dalam *Ilmu Masyarakat*, Oktober-Disember 1983, Kuala Lumpur, Terbitan Persatuan Sains Sosial Malaysia, hal. 9.
9. Lihat Barry Buzan, *op. cit.*, hal. 45.

10. Untuk maklumat lanjut lihat Sharon Siddique, "Singapore Identity" dalam Kernial Singh Sandhu and Paul Wheatley (ed.), *op. cit.*, hal. 563-577.
11. Lihat Ernest Gellner, 1983, **Nations and Nationalism**, Oxford, Basil Blackwell Publisher, hal. 55.
12. Lihat Jon S.T. Quah "Singapore : Towards A National Identity", *op. cit.*, hal. 209.
13. Lihat Jadual 2.11 oleh Chiew Seen-Kong, "Ethnicity and National Intergration: The Evolution of a Multi-Ethnic Society" dalam Peter S.J. Chen (ed.), 1983, **Singapore Development and Trends**, Singapore, Singapore University Press.
14. Lihat Jeremy Ponniah, "Aspirations, Values and Social Networks of Students from a Junior College", Latihan Ilmiah Jabatan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Singapura, 1985.
15. Lihat laporan akhbar *Straits Times*, (Singapore), 23 April 1986, hal. 1.
16. Lihat laporan Shuhud Saaid, "The Singapore Army : A Flaming Sword in the Righteous Couse of National Survival" dalam *Asian Defence Journal*, Februari 1987, hal. 7.
17. Teks petikan daripada kertas kerja K.R. Panikkar, "The Military and Nation Buliding" dalam *Forum Malaysia-Singapura Keempat* anjuran Universiti Malaya pada 8-11 Disember 1994.
18. Lihat Chan Heng Chee, "Singapore" dalam Zakaria Haji Ahmad and Harold Crouch (eds.), 1985, **Military-Civilian Relations in Southeast Asia**, Singapore, Oxford University Press, hal. 141 dan lihat juga Jon S.T. Quah, *op. cit.*, hal. 214.
19. Lihat Seah Chee Meow, "National Security" dalam Kernial Singh Sandhu and Paul Wheatley (ed.), 1989, *op. cit.*, hal. 956.
20. Ibid, hal. 950, lihat juga Shuhud Saaid, "The Singapore Armed Forces : Gridding Up For Total Attack Through Total Defence", dalam *Asian Defence Journal*, February 1987, hal. 4-20 dan lihat juga Shuhud Saaid, "The Singapore Army : A Flaming Sword in the Righteous Cause of National Survival" *op. cit.*, hal. 7.

21. Lihat Seah Chee Meow, "National Security" *op. cit.*, hal. 956.
22. Lihat A. Rauf Kadir, "Angkatan Tentera Singapura" dalam *Perajurit*, Jilid 2, No. 1, 1994, hal. 47.
23. Lihat **Code of Conduct for the Singapore Armed Forces**, 1967, Singapore, Ministry of the Interior and Defence, hal. 2.
24. Lihat Chan Heng Chee, "Singapore", *op. cit.*, hal. 139.
25. Lihat A. Rauf Kadir, *op. cit.*, hal. 49.
26. Ibid., hal. 49-50.
27. Lihat Mickey Chiang, 1990, **Fighting Fit : The Singapore Armed Forces**, Singapore, Times Editions, hal. 52-53.
28. Lihat A. Rauf Kadir, *op. cit.*, hal 50.
29. Mickey Chiang, *op. cit.*, hal. 74-76.
30. Ibid., hal. 76-77.
31. Untuk maklumat lanjut Super Skyhawk ini lihat A. Rauf Kadir, "Skyhawk: Super Skyhawk" dalam *Perajurit*, Mac/April 1993, hal. 71-72.
32. Lihat Shuhud Saaid, "The Singapore Army : A Flaming Sword in the Righteous Cause of National Survival", *op. cit.*, hal. 15.
33. Mickey Chiang, *op. cit.*, hal. 77.
34. Ibid., hal. 78.
35. Ibid., hal. 48-49.

36. Lihat Perspektif, "Pemodenan Ketenteraan di Asia Pasifik" dalam *Perajurit*, Mac/April 1993, hal. 49.
37. Lihat Mickey Chiang, *op. cit.*, hal 49.
38. Lihat Andrew L. Ross, "The International Arms Trade, Arms Production, and Local Defence Production in ASEAN" dalam Chandran Jeshurun (ed.), 1989, **Arms and Defence in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 21.
39. Ibid., hal. 23.
40. Teks ucapan S. Rajaratnam dalam **Official Records of the United Nations General Assembly**, Tenth Plenary Meeting, 19 September 1976, hal. 149 dan 150 dipetik dari Chandran Jeshurun (ed.), *op. cit.*, hal. 22.
41. O'Brien, 1975, "A Critique of Latin American Theories of Dependency" dalam Ian Roxborough, **Theories of Underdevelopment**, London, The Macmilland Press Ltd., hal. 60.
42. Quartim, J., 1972, "Le Statut Theories de la Nation de Dependence" dalam Ian Roxborough, *op. cit.*, hal. 69.
43. Lihat "Singapura Kekalkan Belanja Pertahanan" dalam *Berita Harian*, 29 November 1991.
44. Lihat Linda Y.C. Lim, "Singapore in Southeast Asia" dalam *Journal of Southeast Asia Business*, Vol. 6, No. 4, Fall 1990, hal. 71.
45. Lihat Michael Richardson, "Singapore's Defence Industry" dalam *Pacific Defence Reporter*, May 1983, hal. 69-75. Lihat juga H.M.F. Howarth, "Singapore Armed Forces and Defence Industry" dalam *International Defence Review*, No. 11, 1983, hal. 570-572 dan Jacquelyn S. Porth, "Singapore : A Little Dragon in Arms Production" dalam James Everett Kate (ed.), 1986, **The Implications of Third World Military Industrialization : Sowing the Serpents' Teeth**, Lexington, MA, D.C. Heath, hal. 225-240.
46. Lihat Obaid Ul Haq, "Singapore's Search for Security : A Selective Analysis" dalam Stephen Chee (ed.), 1991, *op. cit.*, hal. 135.

47. Lihat Bilveer Singh dan Kwa Chong Guan, "The Singapore Defence Industries: Motivations, Organization and Impact" dalam Chandran Jeshurun (ed.), 1989, *op. cit.*, hal. 103.
48. Lihat Sir Laurence Hartnett, "Operations Doberman : The Singapore Armament Story" dalam *Pacific Defence Reporter*, April 1982, hal. 11.
49. Dipetik dalam Bilveer Singh dan Kwa Chong Guan, *op. cit.*, hal. 104.
50. Lihat dalam *Straits Times* (Singapore), 24 November 1988.
51. Lihat Mickey Chiang, *op. cit.*, hal. 205.
52. Lihat Bilveer Singh, 1990, **Singapore-Indonesia Defence Cooperation: A Case Study of Defence Bilateralism Within ASEAN**, Kuala Lumpur, Institute of Strategic and International Studies, hal. 10.
53. *Ibid*, hal. 10.
54. *Ibid*, hal. 11.
55. *Ibid*, hal. 10.
56. Lihat Frederick Frey, "Communication and Development" dalam Pool and Schramm, 1973, **Handbook of Communication**, Rand McNally, Chicago, hal. 413.
57. Lihat "Semangat Bersatu : Latihan Bersama Malaysia/Singapura" dalam *Perajurit*, Julai/Ogos 1993, hal. 46 dan lihat juga Mickey Chiang, *op. cit.*, hal 208.
58. Persidangan pertama Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut Antarabangsa telah diadakan di Geneva pada tahun 1958. Persidangan ini telah mendrafkan empat perkara, iaitu *high seas*, batasan wilayah, perikanan dan *continental shelf*. Tiada persetujuan yang dicapai tentang pertikaian 3 batu nautika dengan 12 batu nautika bagi batasan wilayah. Persidangan Kedua Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut Antarabangsa ini telah dijalankan pada tahun 1960. Persidangan ini juga gagal mencapai kata sepakat di kalangan ahli-ahlinya.

Persidangan Ketiga telah diadakan dari tahun 1973 sehingga 1982 yang mengambil sebanyak 20 aspek perbincangan sehinggalah pada tahun 1982, ia berjaya mencapai kata sepakat secara menyeluruh.

59. Lihat D.J. Davies et. al, 1955, **The Laws of the Colony of Singapore**, Vol. VIII, London, hal. 52-54.
60. Lihat Phiphat Tangsubkul, 1982, **Asean and the Law of the Sea**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies : 6-7.
61. Lebar laut wilayah perairan 3 batu nautika tidak pernah merupakan satu-satunya aturan dalam Undang-undang Laut Antarabangsa. Tidak ada satu konvensyen antarabangsa pun yang menetapkan lebar 3 batu nautika sebagai Pelebaran Wilayah Laut. Kalaupun ada, hanya negara yang memenuhi kepentingan negaranya sahaja.
62. Lihat Phiphat Tangsubkul, *op. cit.*, 16.
63. Ibid., hal. 16.
64. Lihat M.M. Whiteman, **Digest of International Law**, IV, US Dept. of State Publication 7825, April 1965, hal. 756.
65. Dipetik daripada Kriangsak Kittichaisaree, 1987, **The Law of The Sea and Maritime Boundary Delimination in South-East Asia**, Singapore, Oxford university Press, hal. 68.
66. Lihat Phiphat Tangsubkul, *op. cit.*, hal. 17 dan lihat juga Harbajan Singh, "Law of the Sea and Southeast Asian Problems" dalam *Southeast Asian Affairs* 1976, hal. 118-119.
67. Lihat *Singapore Government Press Release*, Information Division, Kementerian Kebudayaan, Singapura, (32819/351, 352, 353, 354/362207/362271), 15 September 1980 dalam Lampiran 1.
68. Sebelum "Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang No. 14/1960" ini termaktub, undang-undang Indonesia adalah berdasarkan kepada "Territole Zee en Maritieme Kringen Ordonantie 1934" (Staatsblad, 1939 No. 442). Ini termaktub pada fasal 1, bahawa laut wilayah Indonesia adalah pada kedudukan 3 batu nautika yang diukur dari garis air rendah

(air pasang surut). peraturan ini membuatkan pulau-pulau Indonesia menjadi terpisah antara satu sama lain kerana perairan di luar laut wilayah adalah laut lepas yang bebas dilayari oleh kapal-kapal asing - lihat Asnani Usman, "Kedudukan Selat Malaka Sebagai Perairan Teritorial dan Jalur Pelayaran Internasional Ditinjau dari Segi Politik Internasional", dalam *Analisa*, Tahun VII, No. 2, February 1978, hal. 110-111.

69. Ibid., hal. 102.
70. Lihat Asnani Usman, "Arah Perkembangan Asia Tenggara" dalam *Analisa*, Tahun XVI, No. 2, Februari 1987 : 181-200.
71. Ibid., hal. 113.
72. Lihat Phiphat Tangsubkul, *op. cit.*, hal. 18.
73. Lihat Asnani Usman, "Kedudukan Selat Malaka Sebagai Perairan Teritorial dan Jalur Pelayaran Internasional Ditinjau dari Segi Politik Internasional", *op. cit.*, hal. 102.
74. Lihat UNCLOS III, **Official Records**, Vol. ii, hal. 136 dan Peter Polomka, 1978, **Ocean Politics in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 40-53. Lihat juga dalam Lampiran 2.
75. Lihat Phiphat Tangsubkul, *op. cit.*, hal. 28.
76. Lihat Asnani Usman, "Arah Perkembangan Asia Tenggara" *op. cit.*, hal. 116 dan lihat juga Peter Polomka, *op. cit.*, hal. 45-46.
77. Lihat Phiphat Tangsubkul, *op. cit.*, hal. 33.
78. Sejarah pertikaian tuntutan Pulau Batu Putih ini bermula apabila James Horsburgh telah menawarkan khidmatnya kepada *Straits Settlements Government* untuk membina sebuah rumah api bagi memberi kemudahan kepada kapal-kapal yang melalui di perairan Singapura. Ini bertujuan untuk mengelakkan bahaya batu karang, kesibukan lalulintas untuk mengelakkan kemalangan dan sebagainya sebagai panduan kepada kapal-kapal di waktu malam. Sebuah menara akhirnya telah dibina di sebelah timur laluan perairan Singapura pada tahun 1850 dan diberi nama

sebagai *Horsburgh Lighthouse*, yang mula beroperasi pada 15 Oktober 1851 - Lihat R.Haller-Trost, 1993, **Historical Legal Claims: A Study of Disputed Sovereignty over Pulau Batu Puteh(Pedra Branca)**, United Kingdom, International BoundariesResearch Unit , hal. 2, lihat juga Wan Sabariah dan Izam Ismail, "Bukti Pulau Batu Putih Milik Malaysia" dan "Dokumen Sultan Johor Hilang di London" dalam *Berita Minggu*, 8 dan 9 Mac 1992. Lihat juga dalam Lampiran 3.

79. Kerajaan Singapura telah membina peralatan radar pada tahun 1989 dengan harga \$40 juta yang diigerakkan oleh sumber tenaga solar bagi menggantikan penggunaan tenaga elektrik. Lembaga Pelabuhan Singapura (PSA) juga telah membina tempat pendaratan helikopter di pulau tersebut. Keperluan ini adalah untuk kemudahan untuk perjalanan kakitangannya yang bertugas di pulau tersebut - lihat Farush Khan, "Singapore Plans Helipad On Disputed Batu Puteh" dalam *New Straits Times*, 10 Oktober 1991; "Malaysia Mahu Bincang Batu Putih" dalam *Berita Harian*, 10 oktober 1991 dan "Pelbagai Pihak Minta Kerajaan Bertindak Tegas" dalam *Berita Harian*, 10 Oktober 1991.
80. Lihat Khadijah Muhammed and Tunku Shamsul Bahril, *op. cit .*, hal. 7, dan lihat juga Mark J. Valencia, 1991, **Malaysia and The Law of The Sea : The Foreign Policy Issues, The Options and Their Implication**, Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia, hal. 31.
81. Khadijah Muhammed and Tunku Shamsul Bahrin, "Scramble for the South China Sea : The Malaysian Perspective" in *International Academic Conference on Teritorial Claims in the South China Sea*, Hong Kong, 4-6 December 1990, hal. 7.
82. Lihat *The Star*, 27 Oktober 1991.
83. Lihat dalam *Far Eastern Economic Review*, 12 February 1992.
84. Lihat R.Haller-Trost, 1993, **Historical Legal Claims : A Study of Disputed Sovereignty over Pulau Batu Puteh (Pedra Branca)**, United Kingdom, International Boundaries Research Unit, hal. 2.